

05 MAR 2002

MENTERI KEWANGAN SUDAN JUMPA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 5 Mac (Bernama) -- Menteri Kewangan Sudan Abdel Rahim Mahmoud Hamdi, yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia sehingga Khamis, hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini.

Abdel Rahim yang diiringi Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Pelombongan Sudan Hamed El-Neel Abdulgadir, berjumpa dengan Dr Mahathir selama kira-kira setengah jam.

Semasa lawatannya, Abdel Rahim dijadual mengadakan perjumpaan dengan beberapa ketua korporat untuk membincangkan peluang pelaburan di republik Timur Laut Afrika itu.

Beliau bertemu dengan presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Mohamed Hassan Marican pagi ini dan akan berjumpa dengan pengerusi Malaysian Mining Corporation Bhd Datuk Syed Abul Jabbar Shahabuddin esok.

Kehadiran Malaysia dalam ekonomi Sudan dikepalai dengan pelaburan dalam sektor minyak negara itu oleh Petronas, yang melalui konsortium empat anggota, mengeluarkan kira-kira 200,000 tong minyak mentah Nil setiap hari dari Lembangan Muglad di Selatan Sudan.

Sebelum ini ada laporan mengenai perancangan pelaburan dalam industri pelombongan Sudan oleh sebuah syarikat pelombongan utama Malaysia.

Sudan juga kaya dengan hasil emas, berlian dan tembaga.

-- BERNAMA

MAD MFJ RON